

# Moody's tetapkan penarafan A3 ke atas nota tidak bercagar senior SGD Cagamas Global

**SINGAPURA:** Perkhidmatan Moody's Investors Service menetapkan penarafan A3 ke atas nota Cagamas Global P.I.C. senior tidak bercagar dalam denominasi dolar Singapura (SGD), yang dijadual matang pada April 2018.

Penarafan itu mempunyai unjuran stabil, katanya dalam satu kenyataan semalam.

Diperbadankan di Labuan, Cagamas Global ialah syarikat milik penuh Cagamas Bhd, dengan aktiviti utamanya menjalankan urusan pengumpulan dana.

Penarafan A3 yang ditetapkan ke atas nota tidak bercagar senior denominasi SGD itu adalah pada tahap yang sama seperti penarafan A3 bagi kedudukan penerbit mata wang asing jangka panjang Cagamas.

Nota-nota tidak bercagar senior denominasi SGD diterbitkan susulan program Cagamas Global AS\$2.5 bilion pelbagai mata nota jangka sederhana (MTN), yang dijamin sepenuhnya dan tanpa syarat oleh Cagamas (A3 stabil).

Nota-nota ini mewakili obligasi langsung, subordinat dan tidak bercagar Cagamas.

Oleh itu, ia mempunyai kedudukan yang sama dengan obligasi sedia ada dan pada masa depan, Cagamas yang tidak bercagar serta obligasi subordinat.

Moody's berkata ia mengkaji jaminan yang diberikan oleh Cagamas bagi program pelbagai mata MTN dan memuktamadkan bahawa terma dan syarat jaminan memuaskan prinsip teras agensi penarafan itu.

Prinsip-prinsip ini diperincikan dalam komen istimewa Moody's bertajuk, "Moody's Mengenal pasti Prinsip Teras Jaminan Kredit Penggantian", yang diterbitkan pada 11 Nov 2010 di [www.moodys.com](http://www.moodys.com).

Penarafan A3 untuk nota tidak bercagar senior akan dinaik taraf jika penarafan negara A3 kerajaan Malaysia juga dinaik taraf, dengan mengandaikan metrik kredit berdirisendiri Cagamas, kekal teguh. — Bernama